

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PENILAIAN PEMBELAJARAN  
AL-QURAN KAEDEAH IQRA' DAN  
KAEDAH BAGHDADIAH KELAS  
AL-QURAN DAN FARDHU AIN  
(KAFA) DI BAHAGIAN BETONG,  
SARAWAK**

**HAFIZUL RASDI**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
keperluan untuk  
**Ijazah Doktor Falsafah**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Januari 2020**

## ABSTRAK

Pembelajaran al-Quran kaedah *Baghdadiah* mula dipraktikkan di Malaysia sewal kedatangan Islam ke tanah Melayu. Kaedah ini dilaksanakan di sekolah rendah sebelum bermulanya penggunaan kedah *Iqra'* secara rasmi. Pembelajaran al-Quran menggunakan kaedah *Iqra'* dalam kelas KAFA mula dipraktikkan pada tahun 2007 dan masih digunakan sehingga kini. Namun, permasalahan yang timbul adalah masih terdapat banyak kelemahan dalam pembacaan al-Quran di kalangan pelajar khususnya di sekolah rendah. Berdasarkan kajian-kajian terdahulu membuktikan masih terdapat di kalangan pelajar yang memerlukan penambahbaikan berterusan demi kelangsungan pendidikan al-Quran. Sehubungan itu kajian ini bertujuan untuk mengkaji perbezaan pembelajaran al-Quran kaedah *Iqra'* dan kaedah *Baghdadiah*, menganalisis perbezaan hasil pencapaian pelajar dan mengemukakan cadangan kaedah yang sesuai untuk diaplikasikan dalam pembelajaran al-Quran sistem pendidikan KAFA di bahagian Betong, Sarawak. Metodologi yang digunakan adalah kajian eksperimen yang dijalankan selama enam bulan terhadap dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Penilaian dibuat menggunakan model Kirkpatrick (1996) melalui tahap reaksi, pembelajaran, perubahan dan keputusan. Pencapaian pelajar diukur berdasarkan 6 sub skala dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca iaitu keupayaan menyebut huruf *hijā'iyah*, keupayaan menyebut huruf berbaris, keupayaan membaca huruf tanwin, keupayaan membaca kalimah pendek, keupayaan membaca ayat al-Quran dan keupayaan membaca ayat al-Quran secara bertajwid. Hipotesis dibina untuk melihat adakah wujud perbezaan yang signifikan terhadap pembelajaran menggunakan kedua-dua kaedah. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan kedua-dua kaedah pada 4 tahap penilaian (reaksi, pembelajaran, perubahan dan keputusan). Untuk 6 sub skala yang diukur pula, perbezaan yang signifikan hanya terdapat pada keupayaan menyebut huruf *hijā'iyah* dan keupayaan membaca ayat al-Quran, manakala 4 sub skala yang lain tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Data-data yang diperolehi daripada pemerhatian dan fokus perbincangan kumpulan turut membantu menyokong data-data kuantitatif. Dari segi implikasinya, dapatkan menunjukkan bahawa pembelajaran menggunakan kaedah *Baghdadiah* mempunyai kelebihan untuk dilaksanakan dalam sistem pendidikan KAFA masa kini di Bahagian Betong berbanding pembelajaran menggunakan kaedah *Iqra'*. Impak daripada penggunaan kaedah *Baghdadiah* dalam pembelajaran al-Quran kelas KAFA memberikan hasil yang amat baik berbanding pembelajaran menggunakan kaedah *Iqra'* dari segi pencapaian pelajar.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi rasa syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT atas rahmat, nikmat dan kasih sayang yang dikurniakan akhirnya saya dapat menyiapkan tesis Doktor Falsafah ini dengan jayanya. Selawat dan salam buat junjungan nabi Muhammad SAW, keluarga baginda dan para sahabat baginda.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan buat Unit MyBrain 15, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atas tajaan biasiswa MyPhD bagi memudahkan perjalanan pengajian saya. Terima kasih juga saya rakamkan buat Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam khususnya Akademi Pengajian Islam Kontemporari kerana menerima saya sebagai pelajar bagi menyempurnakan kajian saya.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada individu-individu yang menjadi tulang belakang bagi membiayai konferensi yang saya hadiri sama ada di dalam maupun luar negara seperti Indonesia dan Brunei. Mereka adalah arwah Ketua Menteri Sarawak, Pehin Sri Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem, Yang Berhormat Datuk Amar Hajah Jamilah Haji Anu (ADUN Tanjung Datu), Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah (Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia Dan Sukan Sarawak) dan Yang Berhormat Dr. Haji Razaili Haji Gapor (ADUN Beting Maro).

Tiada lafaz yang mampu saya ungkapkan melainkan jutaan terima kasih buat dua insan yang banyak membantu saya dalam menjayakan penulisan ini iaitu kedua-dua penyelia saya Dr. Abdul Razak Abdul Kadir dan Prof Madya Dr. Huzaimah Ismail. Dua insan yang amat saya hormati ini tidak pernah jemu memberikan bimbingan, tunjuk ajar, motivasi, nasihat dan dorongan kepada saya untuk terus berjuang dalam dunia penyelidikan sehingga tesis saya berjaya disiapkan. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan.

Ucapan sayang untuk anakanda, Mohamad Zulfaqar dan terima kasih saya ungkapkan buat kedua ibu bapa tercinta ayahanda Rasdi Samsudin dan bonda Dayang Semah Abang Drahman yang tidak pernah berhenti berdoa untuk kejayaan anak sulung mereka ini. Terima kasih kerana melahirkan saya ke dunia ini dan terima kasih atas didikan sehingga saya berjaya hingga ke peringkat ini. Buat adik-adik yang dikasihi, Nurafadila, Norashima, Nurrasmah, Mohd. Fais, Fairus dan Nurul Husna Irdina terima kasih kerana menjadi semangat untuk abangmu ini terus berjaya mengejar cita-cita.

Terakhir sekali terima kasih buat sahabat, teman dan semua insan yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam membantu saya sepanjang perjalanan PhD saya ini yang tidak mampu saya coretkan nama kalian satu persatu dalam coretan kecil ini.

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB SATU: PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Permasalahan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Persoalan Kajian	18
1.6 Hipotesis Kajian	18
1.7 Kerangka Teori Kajian	21
1.7.1 Domain pertama – Reaksi	22
1.7.2 Domain kedua – Pembelajaran	22
1.7.3 Domain ketiga – Perubahan	22
1.7.4 Domain keempat – Keputusan	23
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	24
1.9 Signifikan Kajian	26
1.10 Definisi Operasional	29
1.10.1 Penilaian	30
1.10.2 Pembelajaran Al-Quran	31

## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Firman Allah SWT:

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَىٰ عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا ۝

Maha berkat Tuhan yang menurunkan al-Furqan kepada hambaNya (Muhammad), untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam.

(al-Furqan: 1)

Ibnu Kathir (2003) menjelaskan al-Quran merupakan panduan dan pegangan umat Islam yang utama bagi menjadikan hidup lebih terbentuk sesuai dengan acuan Islam. Mempelajari dan mengamalkan ajaran al-Quran mampu melahirkan umat Islam yang berakhhlak, berintegriti dan memahami tujuan hidup serta tanggungjawab yang mesti dilaksanakan selaras dengan peranannya sebagai hamba dan khalifah. Menurut Ali Abdul Hamid (2004), ketinggian dan keunggulan al-Quran yang menakjubkan ialah apabila kalimah pertama yang diturunkan iaitu *Iqra'* yang bermaksud “bacalah” atau “belajarlah”. Perintah membaca dengan makna mempelajari dan mengkaji sangat dituntut oleh Allah SWT kerana al-Quran mengandungi pelbagai ilmu pengurusan diri dan sistem yang merangkumi seluruh dimensi kehidupan manusia. Oleh itu, Allah SWT menyeru hambaNya supaya sentiasa memohon agar menambahkan ilmu yang sedia ada dalam diri sebagaimana firmanNya: